

Pertemuan dua PM diharap pulih keamanan

Um - 8/2/2007

Oleh HERMAN HAMID

RANTAU PANJANG 7 Feb. – Masyarakat Islam selatan Thailand berharap pertemuan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan rakan sejawatannya, Surayud Chulanont di Phuket, Ahad ini mampu membantu mengembalikan keamanan di wilayah yang bergolak itu.

Sebilangan mereka yang ditemui berpendapat, ia mungkin memberi harapan baru kepada masyarakat di kawasan tersebut yang semakin gelisah berikutan keadaan keselamatan yang tidak menentu.

Seorang peniaga, **Zaid Puteh**, 33, dari Sungai Padi berkata, penduduk di selatan Thailand sentiasa berharap keadaan kawasan itu kembali tenang supaya mereka boleh menjalani kehidupan dengan lebih baik seperti sebelumnya.

Penduduk di selatan Thailand sentiasa berharap keadaan kawasan itu kembali tenang supaya mereka boleh menjalani kehidupan dengan lebih baik seperti sebelumnya

ZAID PUTEH
Peniaga

“Bukannya kita kini di tahap terlalu susah untuk cari makan tetapi sejak beberapa tahun kebelakangan ini memang ia semakin sukar dan kami hidup dalam keimbangan,” ujarnya.

Perdana Menteri dilaporkan akan melawat Thailand selama dua hari mulai Ahad ini bagi membincangkan pelbagai isu dengan rakan sejawatnya termasuk keadaan di wilayah selatan Thailand.

Sementara itu, **Rosni Abdullah**, 40, berkata, dia berharap dengan wujudnya hubungan erat antara kedua negara,

Malaysia dapat memainkan peranan untuk membantu penduduk selatan Thailand.

“Alhamdulillah dengan suasana yang lebih baik sejak pengunduran bekas Perdana Menteri, Thaksin Shinawatra, kami berdoa wilayah ini dapat mengecapi nikmat seperti di Malaysia.

“Kita amat berharap kerajaan Malaysia sebagai negara jiran dapat turut sama membantu,” jelasnya yang berasal dari wilayah Yala.

Sementara itu, **Mat Daud Che Hamad**, 26, berkata, kerjasama antara

Thailand dan Malaysia mungkin boleh dikembangkan lagi dan bukan sahaja terhad kepada soal ekonomi tetapi juga pendidikan.

Katanya, Malaysia boleh membantu penduduk di wilayah selatan Thailand yang majoritinya beragama Islam.

Mariam Muhamad, 18, pula berkata, pertemuan Abdullah dengan Surayud, Ahad ini, diharapkan dapat memberikan gambaran lebih jelas mengenai keadaan semasa di selatan Thailand bagi menghapuskan keimbangan orang ramai.

“Para peniaga di wilayah selatan selama ini banyak menerima manfaat daripada kehadiran pelancong tetapi sekarang mereka bimbang soal keselamatan.

“Jadi kita yang berniaga ini berharap sangatlah kalau pertemuan itu kelak dapat menjelaskan keadaan sebenar di sini (wilayah selatan) yang semakin pulih,” katanya.